

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

SBU421 - Seminar Kependudukan dan Pembangunan

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan.

1. Bincang secara kritis kesan pembangunan ke atas perkembangan penduduk mengikut Teori Transisi Demografi. [25 markah]

2. Huraikan secara kritikal persoalan berhubung dengan kependudukan dan pembangunan mengikut pandangan golongan Marxist. [25 markah]

3. Polisi 70 juta yang dikemukakan oleh Y.B. Perdana Menteri pada awal tahun 1980an merupakan satu dasar yang bertujuan mempercepatkan pertambahan penduduk negara. Sejauhmana anda setuju dengan kenyataan ini. [25 markah]

4. "Pembangunan ekonomi sesebuah negara bukan sahaja bergantung kepada kadar tabungan tetapi juga kepada perubahan tertentu dalam struktur masyarakat, kualiti kerajaan atau pemerintah, nilai, tujuan dan motivasi setiap individu dalam negara tersebut". Huraikan kenyataan ini berdasarkan kepada pengalaman yang dialami negara sedang membangun. [25 markah]

...2/-

5. Penurunan kadar kematian dan meningkatnya jangka hayat sesuatu kependudukan merupakan faktor penting yang mengubah status dan peranan kaum wanita, terutama wanita di negara sedang membangun. Bincangkan kenyataan ini berdasarkan pengalaman negara ini.

[25 markah]

6. Bincangkan pandangan Barry Commoner berhubung dengan perkaitan di antara kependudukan dan alam sekitar. Sejauhmana anda setuju dengan pendapat beliau.

[25 markah]

7. Secara kritikal, bincangkan masalah dan dilemma yang dihadapi golongan tua dalam proses pembangunan negara.

[25 markah]

- oo ooo oo -